

PERATURAN SUKAN TARIK TALI JABATAN LAUT MALAYSIA KALI KE-11 2026

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- ✓ Pengurus pasukan 1 orang
 - 11 pemain termasuk simpanan
 - 8 penarik (3 simpanan)
 - Berkasut @ berkaki ayam (syarat kasut boleh rujuk lampiran 1)
 - Jumlah berat penarik 680 kg
 - Hanya 1 penyertaan pasukan dibenarkan bagi setiap wilayah
 - Hanya pengurus dan pemain sahaja dibenarkan masuk ke gelanggang
 - Timbang berat pasukan akan diberitahu kemudian tarikh, masa dan tempat.



KEJOHANAN 8 PASUKAN (4+4) - FORMAT PENUH

KUMPULAN

- **Kumpulan A:** A1, A2, A3, A4
 - **Kumpulan B:** B1, B2, B3, B4
 - Top 1 setiap kumpulan layak ke akhir (Penentuan pingat emas & perak)
 - Top 2 setiap kumpulan (Penentuan pingat gangsa dan tempat ke-4)
-

JADUAL PERINGKAT KUMPULAN (ROUND ROBIN)

Kumpulan A

Pusingan	Perlawanan
1	A1 vs A4 A2 vs A3
2	A1 vs A3 A2 vs A4
3	A1 vs A2 A3 vs A4

Kumpulan B

Pusingan	Perlawanan
1	B1 vs B4 B2 vs B3
2	B1 vs B3 B2 vs B4
3	B1 vs B2 B3 vs B4

FINAL

JUARA KUMPULAN A

JUARA KUMPULAN B

FINAL → JUARA & TEMPAT KE-2

N/JUARA KUMPULAN A

N/JUARA KUMPULAN B

FINAL → TEMPAT KE 3 & 4

KESALAHAN PERTANDINGAN

1. Duduk (*Sitting*) – Duduk dengan sengaja setelah diberi amaran akan diberi satu kesalahan dan jika terjatuh dikehendaki balik ke kedudukan asal dengan segera.
2. Menyandar (*Leaning*) – Mana-mana bahagian badan (selain dari tapak kaki) menyentuh tanah atau penarik lain.
3. Mengunci (*Locking*) – Mematikan pergerakan tali dengan mengunci menggunakan siku dan tangan menyentuh bahagian kaki dan badan atau tindakan pegangan / himpitan yang boleh mencegah tali dari bergerak.
4. Pegangan (*Grip*) – Tapak tangan hendaklah kedua-duanya menghadap ke atas. Tidak boleh menarik tali di bahagian belakang badan. Tangan peserta paling hadapan perlu berada sebelum pita penanda.
5. Mendayung (*Rowing*) – Menarik secara duduk, bangun, duduk berulang-ulang atau menarik tali dengan cara duduk di atas tanah kemudian membawa kaki ke belakang dan dilakukan berturut-turut.
6. Memanjat (*Climbing*) – Menarik tali dengan cara membawa tangan satu persatu ke hadapan secara bergilir-gilir sedangkan kaki tidak bergerak.
7. Mencangkung (*Position*) – Keadaan duduk di atas kaki atau betis sendiri, atau lutut / paha penarik di belakangnya atau kaki sendiri dan tidak melepasi bahagian lutut.
8. Melepaskan Tali – Pasukan yang sengaja melepaskan tali dan boleh mengakibatkan pasukan lawan terjatuh atau risiko mengalami kecederaan, boleh dibatalkan penyertaan dalam pertandingan.
9. Tali Tidak Bergerak (*Inactivity*) – Kedua-dua pasukan tidak berusaha untuk menarik terus sehingga keadaan tali tidak bergerak dalam jangkamasa yang agak lama. Dalam keadaan ini, jika difikirkan perlu pengadil boleh menghentikan tarikan pada bila-bila masa yang sesuai dengan keputusan **“TIADA TARIKAN”** atau **“NO PULL”**. Tarikan semula akan dibuat sama ada di gelanggang yang sama atau di gelanggang yang baru.
10. Pemain pertama / paling hadapan setiap pasukan mesti berada sebelum garisan / tape kuning tali pertandingan.
11. Pasukan yang terkeluar dari garisan gelanggang akan dikira terbatal tarikannya dan diberi kemenangan kepada pihak lawan set tarikan tersebut.
12. Kedudukan Tekong – Tali tekong hendaklah melalui bawah ketiak kanan dan melalui atas bahu kiri serta hujung tali hendaklah dilepaskan. Kedudukan tekong sama seperti penarik-penarik lain. Tekong dibenarkan memakai pelapik / vest yang tidak melebihi 5 cm tebal di dalam baju. Tekong dibenarkan memasang tali terlebih dahulu.

KESALAHAN LAIN

1. Setiap tarikan hanya seorang jurulatih dan seorang pembantu (*attendance*) boleh berada di dalam gelanggang.
2. Pembantu tidak boleh memberi arahan kepada pasukannya. Jika ingkar amaran pertama akan diberikan kepada pembantu tersebut. Jika ingkar lagi, amaran seterusnya akan diberikan kepada pembantu pasukan itu.

3. Pengganti tidak dibenarkan semasa tarikan dijalankan walaupun dalam keadaan cedera. Pengganti hanya dibenarkan semasa tarikan dengan pasukan lain.
4. Tali pinggang perlu dipakai diluar baju dan tidak dibenarkan berjuntai.

PEMBATALAN

1. Setiap pasukan yang mendapat 3 kali amaran akan dibatalkan. Kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan walaupun kesalahan dilakukan oleh seorang penarik.
2. Penarikan diri pasukan di peringkat kumpulan, pasukan tersebut akan dibatalkan penyertaannya. Semua pasukan di dalam kumpulan tersebut akan diberi 3 mata.
3. Penarikan diri pemain yang menyebabkan pasukan tersebut kurang dari 7 penarik, pasukan itu juga akan dibatalkan penyertaannya. Semua pasukan di dalam kumpulan tersebut juga akan diberi 3 mata.
4. Setiap pasukan boleh dibatalkan penyertaan sekiranya melanggar syarat / peraturan yang ditetapkan oleh penganjur.
5. Pasukan yang membuat provokasi ke atas pengadil, memaki dan bergaduh akan disingkirkan terus dari pertandingan tanpa sebarang rayuan.

KEPUTUSAN PENGADIL ADALAH MUKTAMAD

BANTAHAN

Sebelum membuat bantahan, pasukan dinasihatkan berbincang atau mendapatkan nasihat daripada ketua pengadil terlebih dahulu. Bantahan hendaklah dikemukakan mengikut Peraturan AM Sukan Jabatan Laut Malaysia 2026.

LAMPIRAN 1

KASUT (*outdoor*)

- Tidak diperteguhkan dalam apa cara sekalipun.
- Tapak, tumit dan bahagian tepi kasut mestilah rata dan kukuh.
- Logam pencengkam di bahagian hadapan tidak dibenarkan.
- Tebal ladam di bahagian tumit tidak melebihi 6.5 mm
- Sebarang jenis 'stud' dan paku pada tapak atau tumit tidak dibenarkan.

